Syarikat Roma dan satu lagi lwn Mohamad Shukri bin Hamid (seorang budak mendakwa melalui bapanya selaku 'guardian ad litem' dan sahabat wakilnya Hamid bin Hassan)

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN SIVIL NO 12BNCVC-7–03 TAHUN 2012
AHMAD NASFY PK
9 JANUARI 2013

Tort — Kemalangan jalan raya — Liabiliti — Rayuan — Sama ada defendan cuai 100% — Versi berbeza bagaimana kemalangan berlaku — Plaintif gagal membuktikan versi seperti mana diplidkan — Rujukan kepada keterangan senyap rajah kasar dan kunci — Rujukan kepada kerosakan-kerosakan dan kedudukan kenderaan — Sama ada pihak-pihak bertanggungan 50:50

Dalam kes kemalangan ini, plaintif/perayu tidak membuat sebarang laporan polis atau memberi keterangan lisan di mahkamah tentang bagaimana kemalangan berlaku kerana beliau mengalami kecederaan teruk di kepala. Justeru kes plaintif bergantung kepada keterangan pegawai penyiasat (SP1) rajah kasar (P1) dan gambar (P2). Plaintif telah memplidkan bahawa beliau menunggang motosikalnya menuju ke arah kawasan perumahan. Berdasarkan rajah kasar, tempat kemalangan adalah jalan lurus di mana arah ke atas adalah ke 'Jalan Keluar' dan arah ke bawah adalah ke 'kawasan Perumahan'. Ini bermakna arah perjalanan plaintif yang diplidkan ialah dari atas ke bawah. Sebaliknya, defendan/responden menyatakan bahawa semasa beliau mengundurkan lorinya keluar dari rumahnya, ekor lorinya telah masuk ke jalan tar tetapi tayar tidak masuk ke jalan tar. Menurut defendan, bahagian kanan belakang motolorinya telah dilanggar oleh motosikal plaintif. Ini bermakna arah perjalanan motosikal semestinya dari bawah ke atas. SP1 telah mengesahkan kerosakan motolori adalah di bahagian rusuk kanan. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah membuat penemuan fakta bahawa defendan telah mengundurkan motolorinya dari rumahnya sehingga masuk ke laluan A–B dan menyebabkan perlanggaran dengan motosikal plaintif yang sedang melalui laluan A–B. Maka, HMS telah memutuskan bahawa defendan bertanggungan 100% atas kemalangan itu. Atas rayuan defendan, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa plaintif dan defendan masing-masing bertanggungan liabiliti 50:50. Plaintif telah merayu terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan tanpa kos:

(1) Tiada sebarang keterangan telah dikemukakan untuk menyokong arah perjalanan yang diplidkan. Plaintif telah gagal membuktikan versi seperti

mana diplidkan. Dengan itu HMS telah tersalah arah apabila membuat dapatan fakta bahawa pliding plaintif konsisten dengan arah perjalanan motosikal iaitu dari bawah ke atas (lihat perenggan 12).

(2) HMS sepatutnya merujuk kepada keterangan yang relevan iaitu P1 dan memutuskan di manakah arah 'kawasan perumahan' dan bukannya membuat spekulasi sendiri semata-mata untuk memberi justifikasi kepada pliding plaintif (lihat perenggan 14); *Rosita Baharom & Anor v Sabedin Salleh* [1992] 1 MLJ 379 dirujuk.

(3) HMS telah mengabaikan keterangan defendan dan telah membuat suatu andaian bahawa kemungkinan motolori defendan telah terlajak sehingga ke lorong A–B. HMS juga telah membuat inferens sendiri dengan mengatakan bahawa plaintif melalui 'laluan sah' atau lorong A-B (lihat perenggan 15–16).

(4) Kedudukan motosikal di tanda I dan J rajah kasar tidak boleh dianggap kedudukan asal selepas kemalangan. Ini kerana kemalangan berlaku jam 5 petang dan SP1 hanya sampai di tempat kemalangan pada jam 9.20 malam. Tidak ada keterangan sama ada motosikal telah dialihkan atau dalam kedudukan asal (lihat perenggan 16).

(5) Jika bahagian belakang motolori masuk sedikit di jalan tar dan bahagian belakang motolori dilanggar maka adalah secara logiknya motosikal plaintif telah gunakan lorong B–C secara melawan arus. Berdasarkan keterangan SP1 dan keterangan senyap iaitu P1 dan P2, motosikal plaintif telah melanggar bahagian kanan motolori defendan dan bukan motolori defendan yang melanggar motosikal plaintif. Walau bagaimanapun tindakan defendan mengundurkan motolorinya sehingga sebahagian belakangnya memasuki jalan tar merupakan suatu kecuaian. Manakala plaintif yang menggunakan laluan B–C iaitu melawan arus juga cuai. Oleh itu plaintif dan defendan bertanggungan 50:50 atas kemalangan ini (lihat perenggan 17–18).

[English summary

In this accident case, the plaintiff/appellant did not lodge any police report or gave oral testimony in the court as to how the accident occurred as he suffered from severe head injuries. Hence, the plaintiff's case was based on the evidence of the investigation officer ('SP1'), the sketch plan ('P1') and photographs ('P2'). The plaintiff pleaded that he was riding his motorcycle going towards the housing estate. Based on the sketch plan, the place of the accident was straight road whereby the direction upwards was to 'Jalan Keluar' and the way below was to 'kawasan perumahan'. This meant that the plaintiff's way of direction as pleaded was from up towards downwards. Instead, the defendant/respondent stated that when he was reversing his lorry out of his house, the back of the lorry had entered into the tarred road but the tires did not touch the tarred road. According to the defendant, the right side of the

back of his lorry had been knocked by the plaintiff's motorcycle. This meant that the direction of the motorcycle must be from below to upwards. SP1 confirmed that the damage to the lorry was at the right rib. The sessions court judge ('SCJ') made a finding of facts that the defendant had reversed his lorry from his house and entered into the A–B pathway causing the collision with the plaintiff's motorcycle which was passing the A–B pathway. Hence, the SCJ found that the defendant was 100% liable for the accident. On the defendant's appeal the Court of Appeal found that the plaintiff and the defendant were liable 50:50 respectively. The plaintiff appealed against the said decision.

Held, allowing the appeal with no order as to costs:

(1) There was no evidence adduced to support the pleaded way of direction. The plaintiff had failed to prove the version as pleaded. Thus, the SCJ had not misdirected himself when making the finding of fact that the plaintiff's pleading was consistent with the way of direction of the motorcycle ie from below to upwards (see para 12).

(2) The SCJ ought to have referred to the relevant evidence ie P1 and decide where was the direction of 'kawasan perumahan' and not make his own speculation merely to justify the plaintiff's pleadings (see para 14); *Rosita Baharom & Anor v Sabedin Salleh* [1992] 1 MLJ 379 referred.

(3) The SCJ had disregarded the defendant's evidence and made a presumption that it was likely that the defendant's lorry had came out of way until the A–B pathway. The SCJ had also made his own inference and stated that the plaintiff had passed the 'laluan sah' or A–B pathway (see paras 15–16).

(4) The position of the motorcycle at the place marked as I and J of the sketch plan could not be taken as the original position after the accident. This was because the accident occurred at 5pm and SP1 had only arrived at the place of the accident at 9.20pm. There was no evidence as to whether the motorcycle had been moved or was still in its original position (see para 16).

(5) If the back of the lorry was a little on the tarred road and the back of the lorry was knocked then logically the plaintiff's motorcycle had used the B–C pathway against the traffic. Based on SP1's evidence and the silent evidence of P1 and P2, the plaintiff's motorcycle had knocked the right side of the defendant's lorry and not the defendant's lorry that had knocked the plaintiff's motorcycle. However, the act of the defendant reversing his lorry until part of its back entered into the tarred road was negligence. Whereas the plaintiff using the B–C pathway ie against the traffic was also negligence. Therefore the plaintiff and the defendant were liable 50:50 for this accident (see paras 17–18).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai liabiliti, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1945.

Kes-kes yang dirujuk

Rosita bte Baharom & Anor v Sabedin bin Salleh [1992] 1 MLJ 379; [1992] 3 CLJ(Rep) 497; [1992]1 CLJ 180, MT (dirujuk)

Inderjeet Singh (Sandu & Associates) bagi pihak perayu.
Kalai Selvam (Loh & Associates) bagi pihak responden.

Ahmad Nasfy PK:

RAYUAN

[1] Ini adalah rayuan oleh plaintif/perayu kerana tidak berpuashati terhadap keputusan atas isu liabiliti sahaja iaitu plaintif/perayu dan defendan/responden masing-masing bertanggungan 50:50.

[2] Dalam perbicaraan penuh, Tuan hakim mahkamah sesyen ('Tuan HMS') telah memutuskan bahawa defendan/responden bertanggungan 100% atas kemalangan ini.

[3] Bagi tujuan rayuan ini, plaintif/perayu dan defendan/responden masing-masing akan dirujuk sebagai plaintif dan defendan.

ISU LIABILITI

Versi plaintif

[4] Plaintif tidak membuat sebarang laporan polis atau memberi keterangan lisan di mahkamah tentang bagaimana kemalangan berlaku kerana beliau mengalami kecederaan teruk dikepala. Justeru kes plaintif bergantung kepada keterangan pegawai penyiasat ('SP1') rajah kasar (P1) dan gambar (P2).

Versi defendan

[5] Defendan menyatakan beliau hendak *parking* lorinya di depan rumahnya.

[6] Semasa mengundurkan lori, ekor lori telah masuk ke jalan tar tetapi tayar tidak masuk ke jalan tar. Kemudian lorinya telah dilanggar oleh motosikal plaintif di bahagian kanan belakang motolori.

[7] Tuan HMS telah membuat penemuan fakta bahawa defendan telah mengundurkan motolorinya dari rumah No 176 sehingga masuk ke laluan A–B dan menyebabkan perlanggaran dengan motosikal plaintif yang sedang melalui laluan A–B.

ANALISA ISU DAN KETERANGAN

(i) Isu pliding

[8] Plaintif telah memplidkan di perenggan 4 pernyataan tuntutan bahawa beliau menunggang motosikal AFQ 7230 berjalan melalui jalan keluar/kawasan perumahan menuju ke arah kawasan perumahan.

[9] Jika merujuk rajah kasar, tempat kemalangan adalah di satu jalan lurus di mana arah ke atas adalah ke 'jalan keluar' dan arah ke bawah adalah ke 'kawasan perumahan'. Ini bermakna arah perjalanan plaintif yang diplidkan ialah dari atas ke bawah.

[10] Dalam hal ini, mahkamah dapati versi plaintif adalah bercanggah dengan versi defendan di mana menurut defendan, semasa motolori diundurkan dari rumahnya, bahagian kanan belakang motolori telah dilanggar oleh motosikal. Ini bermakna arah perjalanan motosikal semestinya dari bawah ke atas.

[11] Pegawai penyiasat ('SP1') telah mengesahkan kerosakan motolori adalah 'dibahagian rusuk kanan di atas dinding papan ada sedikit calar' (rujuk ms 20 baris 11 rekod rayuan) dan SP1 telah tandakan 'X' pada gambar P2K (rujuk ms 237 rekod rayuan) iaitu bahagian motolori yang dilanggar.

[12] Mahkamah dapati tiada sebarang keterangan telah dikemukakan untuk menyokong arah perjalanan yang diplidkan. Justeru, mahkamah berpendapat bahawa plaintif telah gagal membuktikan versi sepertimana diplidkan. Dengan itu Tuan HMS telah tersalah arah apabila membuat dapatan fakta bahawa pliding plaintif konsisten dengan arah perjalanan motosikal iaitu dari bawah ke atas. Malah Tuan HMS telah mengambil fakta yang tidak relevan atau yang tidak dibuktikan apabila membuat satu 'judicial notice' akan kewujudan rumah dikiri dan kanan jalan keluar dari felda dan berasaskan alasan tersebut telah membuat kesimpulan bahawa plaintif menuju ke 'jalan keluar'.

[13] Plaintif bukannya memplidkan bahawa beliau ingin pergi ke rumah orang atau balik ke rumahnya. Justeru tidak timbul isu sama ada terdapat rumah di kiri dan kanan jalan tersebut.

Sebaliknya apa yang diplidkan adalah plaintif melalui jalan keluar/kawasan perumahan dan menuju ke kawasan perumahan.

[14] Pada pendapat mahkamah, Tuan HMS sepatutnya merujuk kepada keterangan yang relevan iaitu rajah kasar dan memutuskan di manakah arah 'kawasan perumahan' dan bukannya membuat spekulasi sendiri semata-mata untuk memberi justifikasi kepada pliding plaintif (rujuk kes *Rosita bte Baharom & Anor v Sabedin bin Salleh* [1992] 1 MLJ 379; [1992] 3 CLJ 497 (rep); [1992]1 CLJ 180).

Isu (ii) Sama ada motolori telah hanya masuk sedikit ke lorong B–C atau telah masuk sehingga ke lorong AB.

[15] Seperti mana yang dinyatakan dalam laporan polis (ms 81 rekod rayuan) dan keterangan lisan defendan, hanya bahagian belakang motolori sahaja masuk sedikit ke jalan tar tapi tayar belakang motolori belum lagi masuk ke jalan tar. Ini bermakna belakang motolori sahaja masuk sedikit ke lorong B–C.

Walau bagaimanapun, Tuan HMS telah mengabaikan keterangan defendan. Sebaliknya telah membuat suatu andaian bahawa kemungkinan motolori defendan telah terlajak sehingga ke lorong A–B (rujuk ms 51 rekod rayuan).

Isu (iii) Sama ada plaintif menggunakan lorong A–B

[16] Sepanjang perbicaraan berlangsung tiada sebarang keterangan yang menyatakan bahawa plaintif menggunakan lorong A–B semasa perlanggaran. Mahkamah berpendapat Tuan HMS telah membuat inferens sendiri dengan mengatakan bahawa plaintif melalui 'laluan sah' atau lorong A–B. Sebaliknya SP1 hanya menyatakan bahawa arahan perjalanan plaintif adalah 'dari bawah ke atas (rujuk ms 20 rekod rayuan). Kedudukan motosikal di tanda I dan J rajah kasar (P1) tidak boleh dianggap kedudukan asal selepas kemalangan. Ini kerana kemalangan berlaku jam 5 petang dan SP1 hanya sampai di tempat kemalangan pada jam 9.20 malam. Tidak ada keterangan sama ada motosikal telah dialihkan atau dalam kedudukan asal.

Isu (iv) Sama ada perlanggaran berlaku di B–C

[17] SP1 telah menafikan bahawa kemalangan berlaku di lorong B–C (rujuk ms 21 rekod rayuan). Penafian ini tidak bermakna kemalangan tidak berlaku di B–C kerana SP1 tidak melihat bagaimana kemalangan ini berlaku. Mahkamah berpendapat jika bahagian belakang motolori masuk sedikit di jalan tar dan bahagian belakang motolori dilanggar maka adalah secara logiknya motosikal

plaintif telah gunakan lorong B–C secara melawan arus.

KESIMPULAN

[18] Setelah meneliti keterangan SP1 dan keterangan senyap iaitu rajah kasar dan gambar, mahkamah memutuskan bahawa motosikal plaintif yang telah melanggar bahagian kanan motolori defendan dan bukan motolori defendan yang melanggar motosikal plaintif. Walau bagaimanapun tindakan defendan mengundurkan motolorinya sehingga sebahagian belakangnya memasuki jalan tar merupakan suatu kecuaian. Manakala plaintif yang menggunakan laluan B–C iaitu melawan arus juga cuai. Oleh itu mahkamah memutuskan plaintif dan defendan bertanggungan 50:50 atas kemalangan ini.

[19] Berdasarkan alasan-alasan di atas mahkamah membenarkan rayuan defendan tanpa kos.

Rayuan dibenarkan tanpa kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum